



Anwar ketika menyampaikan ucapan penghormatan kepada Izutsu di Universiti Keio, semalam. (Foto BERNAMA)

# Anwar ajak semua bersikap lebih empati

**Pendekatan penting pupuk keharmonian, keamanan dalam situasi dunia semakin berpecah**

Oleh Robin Augustin  
bhnews@bh.com.my

**Tokyo:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak semua yang berbeza fahaman agama supaya bersikap lebih empati, selain mengadakan lebih banyak dialog antara mereka, elemen dalam situasi dunia yang semakin berpecah belah.

Menekankan kepentingan berkenaan dalam ucapan penghormatan kepada mendiang Prof Toshihiko Izutsu di Universiti Keio, di sini semalam, beliau berkata, pendekatan empati penting dalam memupuk keharmonian dan keamanan.

Izutsu adalah pemikir serta tokoh filsafat atau ahli falsafah terkemuka Jepun yang luar biasa. Paling diingati adalah pencapaiannya menterjemah al-Quran dalam bahasa Jepun.

Anwar berkata, advokasi empati Izutsu merintis jalan kepada pendekatan yang lebih bernuansa dan hormat kepada dialog silang budaya.

“Mengaitkan perkara ini secara praktikal dengan dunia hari ini, tanpa empati, prasangka dan ketidakpercayaan dalam kalangan penganut agama yang berbeza memuncak dan jika tidak dikawal, ia membawa kepada permusuhan dan fobia.

“Ditambah dengan faktor lain

seperti politik dan ‘etnosentrisme’, kekurangan empati ini, sebagai contoh, berupaya menimbulkan Islamofobia.

“Malangnya, kita berhadapan dengan cabaran berbahaya seperti golongan alim ulama dan ahli politik oportunistik yang menyemai benih syak wasangka dan perselisihan,” katanya.

Disebabkan faktor itu, katanya, dialog yang lebih besar antara individu berbeza agama diperlukan dan menjadi tanggungjawab umat Islam bersikap empati terhadap agama lain dalam usaha menggalakkan dan memelihara keharmonian masyarakat.

Dalam hantaran di Facebooknya kemudian, Perdana Menteri berkata, Izutsu ketika hayatnya, memberi impak besar kepada landskap akademik dan falsafah global kerana ilmunya.

Selain itu, sumbangan beliau kepada dunia lapangan intelektual, teologi dan falsafah yang sangat luas dan rencam sehingga sukar menentukan sumbangan terbesar ilmunya berkenaan.

## **Pencapaian luar biasa Izutsu**

Anwar turut mengetengahkan keupayaan Izutsu dalam merapatkan jurang budaya dan bahasa serta memupuk pemahaman silang budaya yang lebih mendalam, selain penghargaan kepada pemikiran Islamnya dalam konteks kenegaraan dan masyarakat di Jepun.

“Ini pencapaian luar biasa dan bukti kemahiran serta garapan linguistiknya yang mendalam, keluasan ilmunya dan ketekunan komitmennya,” katanya mengakui tugas menterjemah al-Quran sangat mencabar.

Cabaran itu, katanya, kerana dimensi linguistik, teologi, falsafah, spiritual serta mistik yang kompleks dan bagi umat Islam,

kata Anwar, al-Quran tidak sekadar teks, tetapi wahyu Ilahi dengan lapisan makna yang mendalam.

Sehubungan itu, katanya, pendekatan Izutsu dalam terjemahan al-Quran bukan sahaja membolehkan lebih daripada sekadar menukar kata-kata Arab ke bahasa Jepun, tetapi juga memerlukan pemahaman mendalam bahasa Arab, tradisi Islam serta bahasa semitik.

Perdana Menteri berkata, penterjemahan oleh Izutsu juga menjadikan teks suci al-Quran boleh diakses pembaca berbahasa Jepun, sekali gus menggalakkan pemahaman silang budaya.

*The Keio Times*, antara lain menggambarkan Izutsu, yang dilahirkan pada 1914 sebagai ahli bahasa yang menguasai lebih 30 bahasa, genius menghubungkan Timur dan Barat yang paling dikenali sebagai penterjemah al-Quran ke dalam bahasa Jepun.

Beliau menuntut di Fakulti Ekonomi Universiti Keio sebelum berpindah ke Jabatan Bahasa Inggeris di Fakulti Persuratan dan menjadi penolong profesor di universiti yang sama selepas menamatkan pengajian, sebelum menjadi profesor penuh pada 1954.

Beliau bersara dari Universiti Keio pada 1969 dan menjadi profesor di Universiti McGill di Kanada, juga pernah bertugas sebagai profesor di Institut Kajian Falsafah Diraja Iran sebelum kembali ke Jepun pada 1979 semasa Revolusi Iran.

Izutsu meninggal pada 1993, meninggalkan koleksi buku terdiri kira-kira 10,000 jilid dalam bahasa Jepun, Cina dan bahasa Barat, termasuk kira-kira 3,700 jilid dalam bahasa Arab di kediamannya di Kamakura, selatan Tokyo.